



جامعة جوهر

JABATAN AGAMA JOHOR,  
BAHAGIAN PENDIDIKAN,

Tingkat 3 & 4, Blok B,  
Pusat Islam Iskandar Johor,  
Jalan Masjid Abu Bakar,  
80990 Johor Bahru, Johor

No. Tel : 07-2282928/30/32/33/55  
Fax : 07-2233178  
Website : <http://www.johordt.gov.my/ppaj>  
Emel : bpaj@johor.gov.my

Sila nyatakan rujukan bilangan surat kami  
apabila menjawab

Ruj. Kami : PPAJ 1/2/1 Jld.2 ( 10 )  
Tarikh : 14 Disember 2010  
: 08 Muhamarram 1432H

(2)

Semua Pegawai dan Anggota  
Bahagian Pendidikan,  
Jabatan Agama Johor.

Tuan,

**PEKELILING TETAP KERAJAAN JOHOR BIL.123  
PAKAIAN SERAGAM DAN CARA BERPAKAIAN BAGI  
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas sadalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan/puan, pihak pentadbiran mendapat banyak teguran berkaitan cara pakaian anggota bahagian kita yang tidak mematuhi cara berpakaian. Berikut dijelaskan cara berpakaian yang dibenarkan sebagaimana Pekeling Tetap Kerajaan Johor 3 Bil.123 seperti di bawah:

**"a. Lelaki**

- |     |                          |  |
|-----|--------------------------|--|
| i.  | Hari Isnin hingga Khamis | - Kemeja lengan panjang atau pendek berwarna lembut, berseluar panjang, berstokin dan bersepatu lengkap dengan tali leher. |
| ii. | Hari Jumaat              | - Baju Melayu Teluk Belanga, bersongkok, Dengan kain samping berdagang luar.   |

\* *Anggota tidak dibenarkan sama sekali memakai serban semasa bertugas kecuali mereka yang berhak memakainya.*

**"b. Perempuan**

- |     |                              |   |
|-----|------------------------------|---|
| i.  | Wanita Islam                 | - Baju Kurung Teluk Belanga berkain Ombak mengalun atau baju kurung Malaysia berkain sesuai atau baju Kebaya labuh berkain sesuai dan bertudung |
| ii. | Wanita Islam yang mengandung | - Baju mengandung berlengan panjang berkain sempurna atau baju labuh hingga ke buku lali dan berlengan panjang dan bertudung                    |

**"c. Hari Khamis**

- i. Semua pegawai lelaki dan perempuan dikehendaki memakai baju Batik
- ii. Bagi anggota yang telah dibekalkan pakaian seragam hendaklah terus memakainya

\* *Semua pakaian yang dibenarkan ini hendaklah labuh, menutupi bahagian punggung, berlengan panjang, tidak mendedahkan bahagian perut dan dada, tidak jarang, tidak ketat dan kain tidak terbelah sehingga menampakkan betis. Lain-lain pakaian seperti jubah, blaus berseluar panjang, kemeja T berskirt labuh, gaun labuh dan baju potongan Kedah adalah tidak dibenarkan sama sekali.*

3. Arahan cara berpakaian seperti dalam pekeliling ini hendaklah dipatuhi oleh semua pegawai dan anggota di Bahagian Pendidikan.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA"**

  
**(HAJI SULTAN BIN DUMANG)**

Ketua Penolong Pengarah,  
Bahagian Pendidikan,  
Jabatan Agama Johor.

s.k Penolong Pengarah,  
Unit Pentadbiran,  
Bahagian Pendidikan,  
Jabatan Agama Johor.

Fail Timbul.